

CCC pertingkat mutu industri pembinaan

BH-14/4/2007

Pengenalan langkah ini melancarkan urusan pembelian, pemilihan hartanah di Malaysia

PADA 21 Jun 2006, Kabinet ber-setuju dengan kaedah pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) oleh profesional bagi menggantikan kaedah pengeluaran Perakuan Kelayakan Menduduki (CFO) yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sebelum ini, pengeluaran CFO untuk bangunan diletakkan di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan (PBT) yang juga di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Namun, selepas pelancaran CCC oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sijil pengeluarannya akan dikendalikan profesional mem-babitkan golongan jurutera dan arkitek.

CCC dikeluarkan oleh Orang Utama Yang Mengemukakan (Principal Submitting Person - PSP) iaitu sama ada Arkitek Profesional atau Jurutera Profesional.

Ini penting dalam melancarkan urusan pembelian dan pemilihan hartanah di negara ini selain mengurangkan kerenah birokrasi dan mengatasi masalah projek terbengkalai.

Pelukis Pelan Bangunan dibenar-

kan oleh Akta Arkitek untuk mengeluarkan CCC bagi rumah banglo yang tidak melebihi ketinggian dua tingkat dan keluasan yang tidak melebihi 300 meter persegi.

Dalam sistem CCC, Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan masih perlu diluluskan oleh PBT terlebih

“*penggunaan CCC dijangka mengurangkan kerenah birokrasi dan mengatasi masalah projek terbengkalai kerana sijil itu akan dikeluarkan badan profesional, bukan lagi PBT*”

Datuk Seri Ong Ka Ting
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

dulu. PBT dibenarkan memeriksa tapak pada mana-mana peringkat pembinaan selaras peruntukan undang-undang sedia ada malah kuasa PBT dipertingkatkan dengan membolehkannya mengeluarkan arahan bertulis menahan pengeluaran CCC.

CCC hanya dikeluarkan oleh PSP setelah semua pihak berpuas hati ke atas pembinaan itu dan PSP mengawasi pembinaan serta disiapkan mengikut peruntukan undang-undang dan syarat dalam kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan.

Sistem pengeluaran CCC oleh profesional adalah suatu penambahbaikan kepada proses perakuan keselamatan dan penyelesaian bangunan yang dikeluarkan CCC ke atasnya. Sistem ini juga selaras hasrat kerajaan untuk menggalakkan pendekatan 'self regulation' yang diperkenalkan dalam strategi baru merancang pertumbuhan ekonomi negara.

Usaha ini juga mencerminkan komitmen kerajaan untuk memperbaiki secara berterusan sistem penyampaian perkhidmatan khususnya dalam industri pembinaan.